

ASPIRASI KERJAYA PELAJAR-PELAJAR
LUAR BANDAR

ZALINA AHMAD ZAINUDDIN

921601



109176

ITI UTARA MALAYSIA

1999

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji aspirasi kerjaya pelajar – pelajar luar bandar di daerah Sabak Bernam Selangor. Seramai 163 orang pelajar – pelajar daripada empat buah sekolah menengah Gred A telah dijadikan sebagai responden kajian ini. Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data ialah satu set soal selidik Self Directed Search (SDS) yang telah dikemukakan oleh Holland (1973) Data dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif yang berbentuk kekerapan dan peratusan untuk menghuraikan latarbelakang responden yang meliputi pengaruh rakan dalam pemilihan kerjaya, jantina, pekerjaan bapa/ibu/penjaga, pendapatan bapa/ibu/penjaga, taraf pendidikan bapa/ibu/penjaga dan aliran pengajian. Bahagian kedua ialah analisis min dan sisihan piawai terhadap kesukaan, kecekapan dan pekerjaan yang diminati oleh pelajar-pelajar bagi menentukan kod personaliti. Kaedah ini digunakan untuk melihat keutamaan atau kecenderungan pelajar terhadap 6 kategori personaliti iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial, keusahawanan (enterprising), dan konvensional. Bahagian ketiga ialah pengujian hipotesis kajian. Secara keseluruhannya terdapat sembilan (9) hipotesis kajian. Kaedah statistik inferensi digunakan bagi pengujian hipotesis 1 hingga 9. Penyelidik menggunakan korelasi Momen Pearson dan ujian ANOVA. Bahagian keempat adalah untuk mengkaji keselarasan antara kod personaliti dengan cita – cita pelajar menggunakan Kod Pekerjaan Holland dan Indeks Keselarasan Wiggins. Kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara jantina, jenis pekerjaan bapa/ibu/penjaga, pendapatan bapa/ibu/penjaga, taraf pendidikan bapa/ibu/penjaga dan aliran pengajian pelajar dengan aspirasi kerjaya mereka. Terdapat perhubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan aspirasi kerjaya. Ujian ANOVA menunjukkan tiada perbezaan di antara aspirasi pelajar lelaki dan perempuan atau dari segi aliran pengajian. Terdapat perbezaan di antara pengaruh rakan dan tiada pengaruh rakan sebaya ke atas aspirasi kerjaya pelajar. Kajian ini juga menunjukkan keselarasan antara cita – cita dan kod personaliti pelajar adalah rendah.

BAB SATU

Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 adalah bertujuan untuk menguatkan pendidikan asas di samping meningkatkan efisiensi persekolahan melalui pendekatan pembelajaran yang menekankan pelajar sebagai individu. Objektif ini dipanjangkan dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988 yang bertujuan pula untuk menghapuskan ketidaksemaan (mismatch) di antara pendidikan dengan alam pekerjaan (Kementerian Pendidikan, 1992).

Matlamat atau objektif pendidikan di Malaysia telah memberi penekanan dan pemberatan yang lebih kepada pengeluaran tenaga kerja untuk memenuhi keperluan pembangunan ekonomi dan kekayaan negara di samping menyusun semula struktur masyarakat supaya jurang perbezaan pendapatan per kapita dan status sosial di antara kaum tidak begitu meluas. Perkataan dan konsep produktiviti diperkenalkan serta menjadi amalan di dalam sistem pendidikan baik dari segi pengurusan mahupun latihan guru sejak tahun 1989 lagi. Budaya kerja cemerlang juga diperkenalkan dalam

perkhidmatan pendidikan. Rahimah (1990) dalam kertas kerja beliau di Konvensyen Pendidikan telah menulis

"Produktiviti dalam sektor pendidikan dilihat dari segi kecekapan jentera pelaksanaan sistem pendidikan mengeluarkan tenaga kerja yang produktif dan sesuai dengan keperluan pembangunan sektor ekonomi lain dalam meningkatkan hasil negara."

Sehubungan dengan itu pelbagai pihak khususnya pengamal profesion pendidikan telah menyusun strategi – strategi tertentu bagi merealisasikan aspirasi kerajaan tersebut. Pelajar – pelajar digalakkan meneruskan pelajaran ke peringkat yang paling tinggi. Satu pembaziran pendidikan dan sumber manusia berlaku jika sekiranya pelajar – pelajar tercicir dari sistem persekolahan sebelum dapat menguasai kemahiran – kemahiran asas, nilai dan sikap yang diperlukan untuk memainkan peranan sebagai seorang dewasa. Keadaan ini kelak akan merugikan pelajar – pelajar dan negara amnya. Kekurangan tenaga kerja yang mahir boleh membantutkan pembangunan. Menurut Woodhall (1988),

"A workforce that is ill – educated and unskilled would not be able to take advantage of modern technology and therefore would be a bottleneck to a nation's development targets. It would adversely affect industrial efficiency and productivity and thus undermine the country's ability to nurture and to sustain its competitive edge. This would inevitably lead to economic stagnation."

Pada keseluruhannya, kandungan KBSM telah merangkumi:

"Pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang sesuai ke arah memperkembangkan lagi potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu agar mereka menjadi insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani."

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987)

Dalam KBSM , terdapat dua jenis mata pelajaran. Yang pertama ialah mata pelajaran 'TERAS' dan yang kedua ialah 'PILIHAN'. Di peringkat sekolah menengah rendah pula, mata pelajaran pilihan dipanggil sebagai mata pelajaran 'TAMBAHAN' dan meliputi bahasa-bahasa ibunda. Manakala, di peringkat menengah atas pula, mata pelajaran pilihan ini dipanggil 'ELEKTIF' (Haris,1992)

Pemilihan mata pelajaran ini amat penting kepada setiap pelajar terutama kepada mereka yang berada di tingkatan empat kerana dengan ketepatan pemilihan mata pelajaran ini akan menentukan hala tuju mereka pada masa depan lebih-lebih lagi soal pemilihan kerjaya nanti. Ini selari dengan pendapat Normazwin (1994), iaitu mata pelajaran elektif ini juga dapat membantu pelajar mempersiapkan diri dalam bidang kerjaya setelah tamat pengajian nanti. Menurutnya lagi, ini boleh mendatangkan kepuasan dalam bekerja sekali gus berupaya menyuntik motivasi ke arah peningkatan produktiviti yang dapat memanfaatkan negara.

Mencari dan mendapatkan sesuatu pekerjaan merupakan hasrat dan harapan setiap individu di dunia ini. Bidang pekerjaan merupakan satu wasilah untuk mendapatkan sedikit ganjaran untuk meneruskan hidup ini (Nazmi,1991) . Ini bermakna berusaha untuk melakukan sesuatu pekerjaan itu menjadi satu ibadah dan fitrah kemanusiaan seperti yang disarankan oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quran , (surah 62 : ayat 10)

"Apabila telah ditunaikan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi ; dan carilah